

13/04/2000

Globalisasi perlu ditafsir semula: PM (HL)

Mior Kamarul Shahid in Havana

HAVANA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, globalisasi, yang mula menampakkan kecenderungannya menjadi satu bentuk agama, perlu ditafsirkan semula dengan mengambil kira kesannya kepada dunia.

Perdana Menteri berkata, jika kesannya membawa keburukan, tafsiran globalisasi hendaklah diubah suai sehingga ia benar-benar mencapai matlamat yang dihasratkan.

Sebaliknya, jika ia didapati baik, konsep itu boleh dilaksanakan sebagaimana yang ditafsir dan diamalkan hari ini.

Globalisasi, jika ditafsir dan diamalkan dengan betul, boleh mewujudkan satu orde dunia yang saksama serta mampu mengagihkan kekayaan secara adil antara negara kaya dan miskin.

Bagaimanapun Dr Mahathir mengingatkan, tafsiran yang buruk hanya akan membawa kemusnahan, terutamanya kepada negara miskin, manakala menjadikan negara kaya bertambah mewah.

Berucap di Sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 (G77) di sini, Perdana Menteri berkata globalisasi seharusnya menekankan kepada soal kesan-akibat, bukannya kaedah.

Ketika ini, negara membangun diberitahu bahawa globalisasi mestilah disokong dan diamalkan meskipun jika ia membawa kehancuran.

"Kita sedang memasuki perangkap lama dengan mempercayai bahawa sesuatu sistem dengan sendirinya boleh menyelesaikan masalah kemanusiaan. Apabila kita terlalu percaya kepada sesuatu sistem, kita lupa sebab-musabab sistem itu mula diwujudkan.

"Sesuatu sistem digubal kerana ia dipercayai dapat membetulkan apa yang silap dan memberi manfaat kepada mereka mengamalkannya.

"Malangnya, sebaik saja sesuatu sistem diterima, ia menjadi perkara begitu suci sehinggakan jika ia menimbulkan keadaan lebih buruk daripada keadaan yang sepatutnya diperbetulkan, ia masih dipertahan dan diamalkan.

"Pada peringkat itu, jika ada sesiapa yang berani menentang sistem itu, dia akan dianggap sebagai penyeleweng dan dikutuk," tegas Dr Mahathir.

Sidang kemuncak selama dua hari itu adalah yang pertama pernah diadakan antara ketua-ketua negara dan kerajaan dari negara membangun dalam G-77 sejak kumpulan itu ditubuhkan pada 1964 dengan keanggotaan permulaan sebanyak 77 negara.

Kumpulan itu kini mengandungi 133 negara, termasuk China. Globalisasi, yang menjadi istilah sebutan ramai dalam dunia ekonomi hari ini, adalah antara tema persidangan itu.

Perdana Menteri berkata, globalisasi, jika ditafsirkan dengan betul dan mengikut peraturan, ia boleh membawa kepada kekayaan dan kebaikan kepada dunia, sama ada golongan kaya atau miskin.

Yang penting ialah memberi fokus kepada hasilnya, bukan dogma dan adalah satu kesilapan mengetepikan pandangan golongan lemah dan miskin daripada mengambil bahagian dalam merumuskan globalisasi.

Dr Mahathir berkata, di Timur dapat dilihat bagaimana Pelaburan Asing Secara Langsung (FDI), pemindahan teknologi dan pembukaan pasaran negara kaya, membantu memperkayakan negara miskin.

"Kita juga melihat bagaimana negara menjadi miskin dengan tiba-tiba. Pengalaman kita boleh membantu merumuskan suatu corak globalisasi yang memberi manfaat kepada semua. Jadi, biarkanlah kami masuk.

"Kami percaya kami boleh memberi sumbangan ke arah mengelakkan kemelesetan. Oleh itu, pendapat kami hendaklah diterima dengan serius

dalam merumuskan sistem kewangan dan ekonomi antarabangsa," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan negara membangun lain sebelum ini telah menyambut baik globalisasi dengan kepercayaan bahawa modal dan kepakaran asing boleh membantu pertumbuhan ekonominya.

"Ketika itu, di Asia Timur, penyangak dalam perdagangan mata wang telah menunjukkan bagaimana hanya dengan menurunkan nilai mata wang kami, mereka boleh menjadikan negara yang dianggap sebagai Harimau Ekonomi Asia Timur sebegitu miskin sehinggga terpaksa mengemis.

"Masalah yang dihadapi negara-negara itu timbul kerana pihak yang kaya memberi takrif globalisasi sebagai hak untuk modal merentasi, dan merentasi semula, sempadan dengan sewenang-wenangnya.

"Modal telah menjadi senjata baru bagi yang kaya. Dengan kedatangan mereka untuk melabur dalam pasaran saham, mereka memperolehi kekayaan dalam sekelip mata. Sebaik sahaja ini berlaku, mereka hanya perlu menarik balik modal itu untuk menjadikan mangsa mereka miskin dan melemahkannya, lalu memaksa mereka menyerah kepada kehendak dan arahan pihak asing," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, kegawatan ekonomi di Asia Timur mengakibatkan pihak kaya mengambil segala apa yang dimiliki oleh pihak miskin.

"Kami mengaku bahawa kami tidak sempurna. Kami ada rasuah, kronisme dan keburukan lain. Tetapi bukankah demikian juga halnya dengan negara yang sangat kaya pun.

"Walaupun adanya dakwaan rasuah itu, kami dapat memajukan negara kami dan memberikan kehidupan yang baik kepada rakyat kami. Kuasa pasaran yang kononnya ingin menghapuskan rasuah dan keburukan lain di negara kami tidak juga menampakkan kejayaan ketara.

"Mereka pasti sudah membuat kekayaan demi kekayaan melalui cara manipulasi mereka terhadap matawang dan pasaran, dan kini melalui tindakan mereka menguasai bank, industri dan perniagaan," katanya.

(END)